

2 FEBRUARI 2023

**PROGRAM ZIARAH KELUARGA ALMARHUM TUAN GURU MOHAMAD KHAIR BIN TAIB BAGI
MEMOHON KEBENARAN WARIS UNTUK MENAMAKAN AUDITORIUM DI BALAI CERAP
INSTUN DENGAN NAMA AUDITORIUM MOHAMAD KHAIR TAIB**

Pasukan Seksyen Geodetik, Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP), INSTUN yang diketuai oleh Ketua Program Ukur Geodetik Sr Fauzani bt. Azam bersama Sr Hj. Mohd. Issa bin Hj. Abdul Hai, Sr Zakaria bin Abdullah, Sr Norfariza bt. Zainal, En. Harun Amin Al Rasyid bin Marabi dan En. 'Abduh bin Jailani telah menziarahi waris keluarga Almarhum Tuan Guru Mohamad Khair bin Taib, seorang tokoh Falak Perak bertaraf antarabangsa di Sungai Rokam, Ipoh, Perak.

Antara sumbangan besar Tuan Guru adalah pada tahun 1978 dimana beliau dilantik oleh Institut Dakwah (INDAH), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk menyiapkan modul kuliah dan memberi kuliah ilmu falak kepada pegawai-pegawai kerajaan, orang awam dan pelajar-pelajar yang berminat mempelajari ilmu falak. Modul tersebut mengandungi:

- Pengenalan ilmu falak Syarie dan perkembangan pengajian dalam sejarah tamadun Islam.
- Nas-nas Naqliah dan pandangan ulama berkaitan dengan falak syarie.
- Penentuan Tarikh/ Takwim.
- Pengiraan waktu solat.
- Penentuan arah kiblat.
- Pengiraan Hilal.
- Penentuan Gerhana.
- Hisab Pergerakan Cakerawala/Planet Sistem Suria.
- Astronomi Fizikal.
- Penggunaan Peralatan Falak.

Pada 6 Okt 1981, Tuan Guru Mohd Khair dilantik secara rasmi sebagai Karyawan Tamu di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Pada 22-24 Januari 1982 dalam Seminar Falak Syarie anjuran Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, beliau membentangkan satu kerja "Perkembangan Ilmu Falak Syarie Selepas Zaman Rasulullah SAW". Beliau mencadangkan penubuhan Persatuan Falak Syarie Malaysia agar dapat mengumpulkan semua pakar dan peminat ilmu falak dan medan bertukar-tukar fikiran.

Persatuan ini dapat ditubuhkan pada 7 Oktober 1983 di Dewan Kuliah II, Fakulti Pengajian Islam, UKM dan beliau menjadi penasihat.

Antara ketokohan Tuan Guru Beliau merupakan satu-satunya ahli falak ketika itu yang mampu membuat pengiraan dengan tepat dan jitu sehingga diakui oleh ramai pihak kebolehan beliau

dalam pengiraan yang menakjubkan. Berbekalkan kalkulator dan almanak-almanak, beliau membuat pengiraan berkaitan hilal, gerhana dan waktu solat.

Tujuan utama menziarahi keluarga Almarhum Tuan Guru Mohamad Khair bin Taib adalah bagi mendapatkan kebenaran waris untuk menamakan bilik auditorium di Balai Cerap INSTUN yang kini sedang giat dalam pembinaan dengan nama AUDITORIUM MOHAMAD KHAIR TAIB.

Alhamdulillah kehadiran Pasukan Seksyen Geodetik, Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP) INSTUN bukan sahaja telah disambut dengan amat baik malahan telah dilayan dengan amat mesra oleh anak lelaki Tuan Guru yang kini menduduki rumah Tuan Guru iaitu Encik Nasir sekeluarga dan juga anak perempuan Tuan Guru iaitu Puan Ruslin serta suaminya En. Ramli yang turut datang dari Batu Gajah, Perak. Mereka sebagai wakil waris Almarhum Tuan Guru bersetuju memberikan kebenaran kepada INSTUN untuk menamakan bilik auditorium di Balai Cerap INSTUN dengan nama Almarhum Tuan Guru.

Sebagai tanda persetujuan, Encik Nasir telah menandatangani surat persetujuan yang telah disediakan dengan disaksikan dan ditandatangani juga oleh Ketua Program Ukur Geodetik, Sr Fauzani bt. Azam.

Pasukan Seksyen Geodetik merakamkan setinggi tinggi penghargaan dengan ucapan ribuan terima kasih kepada waris keluarga Almarhum Tuan Guru Mohamad Khair Taib, khususnya kepada Encik Nasir sekeluarga dan Puan Roslin serta suaminya En. Ramli yang telah sudi menerima kunjungan kami.

Semoga ALLAH SWT kurniakan maghfirah dan rahmah keatas roh Almarhum Tuan Guru Mohamad Khair Taib.





